

ICOSSH 2023 pacu S'wak jadi hab pendidikan tinggi

BINTULU: Persidangan Antara-bangsa Sains, Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-3 (ICOSSH 2023) mampu menyediakan platform menjadikan negeri ini hab pendidikan tinggi selain destinasi pelancongan unik di peringkat antarabangsa.

Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata persidangan yang menekankan pertukaran maklumat dan kerjasama ini boleh memacu perjalanan Sar-

awak menjadi pusat kecemerlangan akademik.

"Melalui promosinya di Bintulu, ICOSSH 2023 menonjolkan tarikan unik dan keindahan semula jadi negeri ini dan menarik perhatian global kepada keindahannya yang tersembunyi.

"Di luar potensi pelancongannya, Sarawak memegang janji untuk menjadi hab pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berucap demikian pada ICOSSH 2023 yang telah disem-

purnakan oleh Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Abdul Karim menambah, kerjasama antara kementeriannya dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengasaskan penubuhan Biasiswa Kursi Tok Nan telah membawa kejayaan kepada kedua-dua pihak.

"Dana yang digunakan untuk menubuhkan Galeri Tok Nan adalah untuk mengumpul data mengenai kumpulan etnik yang

berbeza di Sarawak.

"Antara pencapaian membanggakan adalah pertambahan bilangan etnik di Sarawak dari 27 kepada 31, dan kemungkinan besar jumlah itu akan meningkat lebih-lebih lagi memandangkan terdapat kumpulan etnik yang tidak mempunyai identiti sendiri," tambahnya.

ICOSSH 2023 bertemakan 'Towards A Culture of Sustainability In Borneo' diadakan hasil kerjasama antara Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sar-

awak (UPMKB) dengan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP).

Persidangan ini memfokuskan kepada bidang sains, sains sosial dan kemanusiaan terutamanya berkaitan etnik Sarawak dan Borneo.

Ia menyasarkan penyertaan penyelidik, ahli akademik, pelajar pascasiswazah, agensi-agensi kerajaan dan juga pembuat dasar dari dalam dan luar negara.

— UKAS